



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

Blok 2, Menara PjH, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwpkb.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

PENYERAHAN BUKU PELABURAN ASW 2020 BANDAR DAN BANTUAN SEWA RUMAH KEPADA WARGA MISKIN BANDAR DI TAPAH, PERAK

TAPAH, 21 April 2012 – Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar mengadakan Majlis Penyerahan Buku Pelaburan ASW 2020 Bandar (ASW Bandar) dan Bantuan Sewa Rumah di sini hari ini. Program ini disempurnakan oleh YB Datuk M. Saravanan, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.

2. Program ASW Bandar telah dilaksanakan sejak tahun 2009 di mana Kerajaan telah menyediakan dana sebanyak RM100 juta untuk disalurkan kepada 10,000 Ketua isi Rumah (KIR) miskin dan miskin tegar yang layak. Penerima-penerima ini disaring mengikut kriteria dan kuota yang telah ditetapkan seperti berikut:

- i) Warganegara Malaysia;
- ii) Berstatus miskin dan miskin tegar dari daftar eKasih;
- iii) Keluarga yang mempunyai tanggungan yang ramai
- iv) Menjaga/Mempunyai anggota keluarga golongan istimewa/anak yatim piatu/orang tua dan tidak menerima sebarang bantuan kebajikan daripada mana-mana agensi/jabatan bantuan
- v) Mempunyai ahli isi rumah yang uzur/memerlukan bantuan perubatan dengan kos yang tinggi
- vi) Tidak Muflis atau Bankrap
- vii) Tidak pernah terima bantuan Amanah Saham dari mana-man Agensi seperti ASB-Sejahtera, ASB-PPRT, UPEN; dan
- viii) Tidak mempunyai simpanan mana-mana Skim Amanah Saham melebihi RM1000.

3. Sempena majlis ini, YB. Datuk M. Saravanan menyerahkan buku pelaburan ASW Bandar kepada 25 orang penerima. Penerima-penerima ini merupakan Ketua Isi Rumah yang telah mendaftar semasa sesi turun padang yang dijalankan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar pada tahun 2011.
4. Sehingga bulan Februari 2012, seramai 5805 orang KIR telah didaftarkan sebagai pelabur ASW Bandar. Pecahan penerima mengikut negeri adalah seperti di Lampiran.
5. YB. Datuk M. Saravanan juga turut menyerahkan Bantuan Sewa Rumah kepada 9 orang penerima bantuan yang keseluruhannya berjumlah **RM 13,392.00**. Bantuan ini merupakan antara bantuan yang diberikan oleh KWPKB di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB).
6. Program ASW 2020 Bandar ini bukan sahaja memberi peluang kepada golongan sasaran untuk memperoleh pendapatan tambahan melalui pemberian dividen sekaligus berpeluang untuk melabur dalam pasaran saham yang dijamin oleh Kerajaan. Secara keseluruhannya, program kesejahteraan bandar yang dilaksanakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar adalah untuk memastikan setiap warga miskin bandar menikmati kehidupan di bandar yang lebih sejahtera, terjamin dan berkualiti.

Disediakan oleh:

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

Tapah, Perak
21 April 2012

PECAHAN PENERIMA ASW 2020 BANDAR (ASW BANDAR) MENGIKUT NEGERI

BIL	NEGERI	JUMLAH KESELURUHAN PESERTA BERDAFTAR	
		BIL	UNIT
1.	W.P. Kuala Lumpur	221	2,210,000
2.	Perlis	110	1,100,000
3.	Pahang	240	2,400,000
4.	Kedah	86	860,000
5.	Sarawak	870	8,700,000
6.	Terengganu	987	9,870,000
7.	W.P Labuan	73	730,000
8.	Johor	260	2,600,000
9.	Selangor	496	4,960,000
10.	Pulau Pinang	301	3,010,000
11.	Perak	418	4,180,000
12.	Melaka	100	1,000,000
13.	Sabah	1,367	13,670,000
14.	Negeri Sembilan	109	1,090,000
15.	Kelantan	167	1,670,000
JUMLAH		5,805	58,050,000